

# PM arah bina projek perumahan untuk rakyat sebaik diluluskan

Anwar mahu pembangunan siap ikut masa ditetapkan elak terbeban kos

Oleh Suzalina Halid dan Amirul Alman Hamsuddin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Selangor:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya semua pembangunan projek perumahan untuk rakyat dilaksanakan segera sebaik diluluskan supaya siap mengikut masa ditetapkan, manakala Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu memantau bagi mengelak ketirisan.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu ada sebarang penangguhan selepas kelulusan sudah diberi kerana kelewatan akan menyebabkan kos tambahan.

Masa sama, tegasnya beliau juga tidak mahu wujud sebarang unsur rasuah dalam pembinaan projek perumahan yang akhirnya memberi kesan kepada kos keseluruhan.

"Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu tegas dalam memberi amaran supaya wang tidak hilang.

"(Sebagai contoh) Kos (projek diluluskan) RM77 juta (tapi) RM10 juta hilang (akibat ketirisan).

"Jadi saya beri peringatan kepada PR1MA (Perbadanan PR1MA Malaysia); Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), majlis perbandaran. Kena ingat jika hendak dijadikan Malaysia sebagai negara

hebat, kita kena sepakat, kena bersih.

"Jika semuanya sudah berjalan lancar dan kita sudah setuju, tangguh apa lagi. Jangan tangguh sebab kalau tangguh, ia ada kos tambahan dan ia bebankan kepada rakyat," katanya semasa berucap pada Majlis Pecah Tanah Projek Program Residensi Rakyat (PRR) Harmoni MADANI Bestari Jaya, di sini, semalam.

Hadir sama pada program itu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming.

PRR Harmoni MADANI Bestari Jaya adalah projek hasil kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri Selangor, PR1MA dan syarikat Berjaya Corporation Berhad (BCB) dengan kos pembangunan RM75 juta.

Anwar menyifatkan projek PRR Harmoni MADANI Bestari Jaya adalah bukti keprihatinan kerajaan dalam membantu pekerja ladang dari lima estet iaitu Ladang Mary; Ladang Nigel Garder; Ladang Bukit Tagar; Ladang Sungai Tinggi dan Ladang Minyak untuk memiliki kediaman sendiri.

Justeru, beliau mahu projek PRR Harmoni MADANI Bestari Jaya dijadikan model kerjasama di antara pengurusan estet dengan kerajaan dalam membangunkan perumahan pekerja.

Perdana Menteri berkata, kerjasama itu boleh diterjemah dengan pengurusan estet menyediakan tanah bagi membolehkan kerajaan menerusi KPKT merancang pembangunan perumahan untuk kesejahteraan pekerja ladang.

Katanya, PRR Harmoni MADANI dapat dibangunkan menerusi model kerjasama berkenaan iaitu syarikat Berjaya Corporation menyerahkan tanah estet untuk kerajaan, telah menyele-



Anwar diiringi Kor Ming (kiri) melihat replika rumah pada Majlis Pecah Tanah Program Residensi Rakyat Harmoni MADANI Bestari Jaya, di Tanjung Karang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

saikan isu perumahan yang membelenggu pekerja ladang sejak 27 tahun lalu.

"Projek ini mengambil masa agak panjang untuk dijayakan sehingga Nga Kor Ming (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) berjaya berunding dengan Tan Sri Vincent Tan (pemilik tanah) yang bersetuju menyerahkan sebahagian tanah untuk projek ini.

"Kor Ming ambil inisiatif runding dengan pihak estet, majlis perbandaran, kerajaan negeri dan bawa kepada Jemaah Menteri sebelum kita putuskan beri peruntukan bagi tujuan pembangunan PRR tersebut.

"Terima kasih kepada Nga Kor Ming yang betul-betul mengambil inisiatif ini. Berapa banyak menteri berganti tetapi projek ti-

dak boleh siap," tegasnya.

Projek PRR itu adalah berkonsepkan kawasan kejiranan perumahan moden yang selesa dan selamat dengan setiap unit dilengkapi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang tamu dan makan, dapur, langkan (yard) termasuk tiga unit rumah bagi golongan orang kurang upaya (OKU).

#### Bidas pembangkang

Sementara itu, Perdana Menteri membidas pembangkang yang disifatkannya gagal menyelesaikan isu kebajikan rakyat, termasuk aspek perumahan dan industri padi ketika menjadi kerajaan sebelum ini.

Anwar berkata, pembangkang hanya bertindak 'bersuara' sekarang sedangkan ketika pentadbiran mereka sebelum ini, isu

berkaitan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan kenaikan harga lantai padi tidak berupaya diselesaikan, namun kini menyalahkan kerajaan sedia ada.

Beliau berkata, sebaliknya di bawah pentadbiran kerajaan MADANI, aspek perumahan untuk golongan memerlukan termasuk PRR Bestari Jaya dan harga lantai padi baharu yang diselaraskan pada kadar RM1,500 per tan berjaya diselesaikan, hasil rundingan yang baik.

"Berapa banyak menteri berganti tetapi projek (perumahan PRR di Bestari Jaya) tidak boleh siap.

"Kadang yang cakap banyak, mereka sudah jadi pemimpin dulu tetapi hasut kata (kerajaan) belum buat," katanya.